

Sulit
1249/Sejarah
Kertas 1
1999
1 JAM

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 1999
ANJURAN BERSAMA
PKPSM CAWANGAN NEGERI PERLIS DAN
JABATAN PENDIDIKAN PERLIS**

SEJARAH

KERTAS 1

SATU JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

1249/1

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan terbaik bagi Tiap-tiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

- 1 Pertumbuhan dan perkembangan infrastruktur pada Zaman Neolitik dikatakan mengalami pertumbuhan yang pesat kerana
- I penciptaan perkakasan membuat perahu dan roda
 - II penciptaan roda yang menjadikan sistem perhubungan lebih cekap
 - III penemuan layar kapal yang mempercepatkan pelayaran
 - IV pembinaan jalan-jalan besar yang menghubungkan petempatan tamadun utama
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

- 2 Bandar Mohenjo Daro dalam tamadun Indus merupakan bandar terancang yang paling awal. Berikut merupakan bukti bandar Mohenjo Daro merupakan sebuah bandar terancang.
- I Terdapat dewan persidangan pemimpin
 - II Terdapat rumah ibadat yang dibina berasaskan agama Buddha
 - III Terdapat sistem pembentungan bawah tanah
 - IV Terdapat petak-petak kawasan perumahan yang berkait dengan jalan yang lurus.
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

3

Iskandariah Antioch

Kepentingan kedua-dua bandar di atas dalam tamadun Yunani ialah

- A sebagai pusat penyebaran Kristian
 - B sebagai pusat perdagangan antarabangsa
 - C sebagai pusat perkembangan bahasa Latin
 - D sebagai pusat penyebaran kebudayaan Hellenistik
- 4 Hubungan perdagangan yang aktif telah terjalin antara tamadun China dengan Rom Timur, India dan Parsi
Apakah kesan utama hubungan perdagangan ini?
- A Membolehkan China mengimpor barangan dari Rom
 - B Memajukan barangan berasaskan sutera
 - C Menyebabkan berlaku pertukaran kebudayaan
 - D Meruntuhkan hubungan perdagangan melalui laut

- 5 Plato adalah murid Socrates yang menghasilkan sebuah buku yang berjudul 'Republic'.
Apakah kandungan utama buku tersebut?
- A Ilmu falsafah haruslah diberi keutamaan dalam sistem pendidikan
 - B Ahli falsafah boleh menjadi pemimpin yang baik kerana pemerintahnya adil
 - C Ilmu falsafah merupakan teras perkembangan sains dan teknologi
 - D Sistem pemerintahan monarki haruslah digalakkan
- 6 Dua buah epik yang paling berpengaruh di dunia ialah Iliad dan Odyssey karya pujangga Homer.
Perkembangan kesusasteraan zaman empayar Yunani dikaitkan dengan ...
- I perkembangan sistem tulisan
 - II perkembangan penerbitan buku
 - III pembelajaran sistem abjad
 - IV penciptaan kertas
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 7 Mengapakah penganut agama Buddha mesti melakukan amalan hidup yang suci seperti bersedekah, tidak membunuh, tidak mencuri, tidak menipu dan berzina?
- A Hidup manusia penuh penderitaan
 - B Buddha bermaksud penyinar
 - C Penghapusan penderitaan melalui Jalan Lapis Mulia
 - D Mengikut ajaran dalam mazhab Saivisme dan Vaishnavisme
- 8 Orang-orang Arab pernah melalui satu zaman kegelapan yang disebut zaman Jahiliyah.
Kenapakah masyarakat zaman Jahiliyah mudah ditakluki dan dijajah oleh empayar Rom dan Parsi?
- A Mementingkan faham assabiyah dan berperang sesama sendiri
 - B Mempunyai kerajaan yang menjalankan pemerintahan secara teratur
 - C Pemimpin sentiasa bergaduh dan hidup berpuak-puak
 - D Terlalu mementingkan hal ekonomi tanpa persediaan bidang ketenteraan
- 9 Antara yang berikut manakah merupakan kesan daripada Perjanjian Aqabah ke dua?
- I Kedudukan negara Islam Madinah diiktiraf
 - II Kejayaan pembukaan semula Kota Mekah
 - III Madinah menjadi tapak penyebaran Islam
 - IV Perlantikan 12 orang ketua kaum Aus dan Khazraj mengetuai gerakan Islam di Ya thrib.

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

10 Peristiwa Hijrah telah dijadikan permulaan tahun Hijrah dalam Kalendar Islam.


Apakah takrif Hijrah pada pandangan Orientalis Barat?

- A Perpindahan Nabi Muhammad S.A.W. daripada Mekah ke Madinah
- B Penentangan Islam dengan Musyurikin Mekah
- C Peperangan orang Islam dengan Quraisy
- D Pelarian Nabi Muhammad S.A.W. daripada Mekah ke Yathrib

11 Antara berikut yang manakah punca berlakunya pemberontakan sehingga membawa kepada pembunuhan Khalifah Uthman pada tahun 656 Masihi?

- A Masalah pembahagian tanah di Iraq
- B Masalah perantikan Gabenor di Iraq
- C Masalah hak memungut cukai di Iraq
- D Masalah hak golongan bangsawan di Iraq

12



Apakah sumbangan ketiga-tiga tokoh di atas dalam perkembangan tamadun Islam?

- A Memperkembangkan ilmu tasawuf
- B Memperkembangkan Ilmu Matematik
- C Memperluaskan Ilmu Sains
- D Memperluas Ilmu falsafah

13 Mubaligh, ulama dan ahli sufi memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam di Asia Tenggara.

Apakah peranan yang dimainkan oleh golongan di atas dalam penyebaran Islam?

- I Tulisan yang halus
- II Sebagai pendakwah
- III Ucapan yang lemah lembut
- IV Pakaian yang sopan
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

14 Pada peringkat awal zaman Pertengahan di Eropah dianggap sebagai Zaman Gelap.

Antara berikut yang manakah ciri-ciri Zaman Gelap?

- I Hamba-hamba dibawa dari Afrika
 - II Kongkongan agama Kristian
 - III Berlaku perpecahan politik
 - IV Ekonomi mengalami kemerosotan
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

15 Apakah faktor yang mendorong pencapaian Renaissance?

- I Ingin menguji kebolehan semulajadi manusia
 - II Keinginan menikmati seluruh keindahan alam
 - III Semangat ingin maju dan kaya
 - IV Untuk mendapat pengiktirafan dunia
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

16

* Martin Lutger	* Zwingli
* John Calvin	* Raja Henry VIII

Tokoh-tokoh di atas terlibat dalam Reformasi. Mengapakah gerakan pembaharuan Raja Henry VIII agak berbeza dengan tokoh-tokoh lain?

- A Memperjuangkan hak orang British sahaja
- B Untuk menjaga kepentingan politik negara dan diri sendiri
- C Pertelingkahan dengan paus
- D Memperjuangkan kedudukan raja Britain

17 Pada kurun ke 16 Sepanyol menjadi kuasa ulung di Eriopah kerana ...

- A mempunyai empayar yang sangat luas di Asia dan Afrika
- B memiliki kekayaan emas dan perak di beberapa koloni
- C memperolehi punca perdagangan hamba di Afrika
- D berjaya menandingi kuasa British

- 18 Tome Pires telah diutuskan untuk memulakan perhubungan perdagangan dengan China, tetapi beliau telah gagal?
Apakah faktor kegagalan beliau?
- A China telah mengamalkan Dasar Tutup Pintu
 - B Tindakan Perancis cuba membina kubu di Shang Chuan
 - C China telah kehilangan Macau
 - D Koxinga telah menawan Tome Pires

19

<p>* Lakan Dula – Filipina</p> <p>* Diponegoro - Indonesia</p>
--

Matlamat utama kedua-dua tokoh di atas ialah

- A menyatukan masyarakat peribumi
 - B menolak ekonomi kapitalis Barat
 - C memulihkan kembali kuasa ketua setempat
 - D memulihkan sistem ekonomi tradisional
- 20 Menjelang pertengahan kurun ke 19, hasil pertanian dapat dikeluarkan dengan berlipat ganda.
Mengapakah keadaan sedemikian boleh berlaku?
- I Penemuan tanah baru
 - II Penemuan baja tiruan
 - III penemuan kaedah penanaman baru
 - IV Penemuan sistem 'fallow'
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 21 Revolusi Perindustrian yang berlaku di Eropah telah mempergiatkan lagi usaha mencari tanah jajahan di kalangan kuasa-kuasa Eropah.
Mengapakah berlaku keadaan sedemikian?
- I Untuk memperoleh bahan mentah
 - II Untuk memperoleh pekerja kilang
 - III Untuk memperoleh modal
 - IV Untuk memperoleh pasaran
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

22

Napoleon Bonaparte ialah seorang panglima tentera dan negarawan ulung Perancis. Beliau telah mempraktikkan unsur demokrasi yang unik semasa pemerintahannya.

Apakah unsur demokratik yang dimaksudkan?

- A Membenarkan semua rakyat mengundi untuk memilih wakil di Parlimen
- B Memperkenalkan sistem raja berperlembagaan di Perancis
- C Menghapuskan kuasa penuh gereja dan Paus
- D Mengadakan pungutan suara untuk mengesahkan pertabalannya Sebagai Maharaja.

23 Ideologi Liberalisme merupakan aspek penting Revolusi 1848 di Eropah.

Antara berikut apakah ciri-ciri penting Liberalisme?

- I Majikan dan pekerja haruslah bertolak ansur
 - II Memperjuangkan sistem raja berperlembagaan
 - III Setiap individu haruslah diberi hak asasi
 - IV Mengamalkan prinsip dan amalan ekonomi bebas
- A I, II dan III
 - B I, II dan V
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IB

24 Otto Von Bismark ialah negarawan Eropah yang telah mengamalkan ideologi Realpolitik. Apakah sumbangan beliau yang paling penting kepada negara?

- A Menakluk seluruh Eropah dan menubuhkan empayar Jerman
- B Merupakan Maharaja Jerman yang pertama
- C Menyatukan wilayah-wilayah Jerman menjadi sebuah negara
- D Memimpin angkatan tentera Jerman dalam Perang Dunia Pertama

25 Semasa Revolusi perindustrian kegiatan ekonomi Barat di Asia Tenggara diarah dan dikawal melalui

- A Ibu pejabat Syarikat yang terletak di Barat
- B Pegawai-pegawai Syarikat perdagangan
- C Ibu Pejabat Syarikat di Tanah Melayu
- D Gabenor yang dilantik

26 Revolusi Perindustrian di Eropah telah memperlihatkan kesan yang nyata di negara Asia dan Afrika.

Antara berikut apakah kesan-kesan tersebut.

- I perkembangan penggunaan telefon dan wireless
- II pertambahan perkhidmatan keretapi dan kapal terbang
- III Asia Tenggara menjadi pengkalan tentera Barat yang utama
- IV Negara Asia terlibat dalam Perang Dingin

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

27 Sejak tahun 1870an, kuasa-kuasa imperialis begitu berminat terhadap Tanah Melayu. Apakah keistimewaan yang terdapat di Tanah Melayu yang mendorong Imperialisme Barat?

- A Negeri-negeri di Tanah Melayu mempunyai ramai tenaga buruh yang murah
- B Negeri-negeri di Tanah Melayu terletak di lokasi yang strategik
- C Negeri-negeri di Tanah Melayu mempunyai tanah pertanian yang luas
- D negeri-negeri di Tanah Melayu kaya dengan bahan mentah terutama bijih timah

28 Menjelang kurun ke 20, kebanyakan negara-negara di Asia Tenggara telah dikuasai dengan mudah oleh kuasa imperialism Barat.

Antara berikut manakah faktor-faktor yang memudahkan penguasaan imperialis Barat di Asia Tenggara?

- I Kelemahan sistem ekonomi negara Asia Tenggara
 - II Kedudukan sistem politik Barat lebih tersusun
 - III Kemajuan teknologi yang dimiliki oleh Barat
 - IV Keadaan pembesar setempat yang tidak bersatu
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

29 Orang Jerman gagal menguasai sebarang kawasan di Asia Tenggara tetapi amat berjaya dalam perdagangan.

Antara berikut manakah membuktikan kejayaan orang-orang Jerman di Asia Tenggara?

- I Menguasai syarikat perkapalan
- II Menguasai kebanyakan pelaburan di Tanah Melayu
- III menguasai perladangan di Indonesia
- IV Menguasai pembekalan kuasa elektrik

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- 30** Di antara tahun 1885 hingga tahun 1886, semua wilayah Vietnam telah dikuasai oleh Perancis.
Mengapakah Perancis berminat menguasai semua wilayah Vietnam?
- A** Menguasai sistem politik, ekonomi dan sosial di Veitnam.
 - B** Menaikkan imej Perancis supaya setanding dengan kuasa lain di dunia.
 - C** Menebusi pasaran negeri di China melalui wilayah Tankin atau sungai Mekong.
 - D** Memperkuatkan kedudukannya untuk menguasai perdagangan di Veitnam.
- 31** Sesetengah golongan yang menerima pendidikan barat mula menjadi mangsa penjajahan fikiran budaya dan sikap barat.
Mengapakah terjadi sedemikian?
- A** Kerana tiada kepercayaan dan keimanan dalam diri masing-masing.
 - B** Kerana suka mendewa-dewakan orang putih dan mengagungkan tamadun barat.
 - C** Kerana latar belakang dan kebudayaan guru-gurunya yang datang dari barat.
 - D** Kerana terpaksa menghadapi cabaran dalam mendapatkan ilmu.
- 32** Terdapat dua tahap pertentangan terhadap kuasa barat di Asia Tenggara. Apakah ciri utama tahap kedua?
- A** Penentangan rakyat setempat secara berasingan.
 - B** Penentangan oleh golongan yang memahami kebudayaan dan ilmu barat.
 - C** Penentangan oleh orang perseorangan yang mahukan kemerdekaan secara radikal.
 - D** Penentangan rakyat bertujuan mempertahankan hak dan kedaulatan.
- 33** Kebangkitan semangat nasionalisme di negara Thai telah membawa kepada berlakunya revolusi Thai 1932.
Apakah perubahan yang berlaku ekoran tercetusnya revolusi tersebut?
- A** Kuasa mutlak negara itu terletak di tangan raja, tetapi hasil ekonomi diagihkan.
 - B** Kuasa mutlak raja dihapuskan dan digantikan dengan pemerintahan demokrasi.
 - C** Kuasa mutlak raja dihapuskan tetapi kebudayaan raja sebagai ketua negara dikekalkan.
 - D** Kuasa mutlak negara itu terletak di tangan Presiden daripada kalangan tentera.

- 34** Kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku di antara tahun 1929 hingga 1933 telah menimbulkan pelbagai masalah ekonomi. Apakah punca utama yang menyebabkan berlakunya kemelesetan tersebut?
- A** Tercetusnya Perang Dunia Pertama.
 - B** Penutupan kilang-kilang di negara barat.
 - C** Kejatuhan harga bahan mentah di pasaran.
 - D** Kejatuhan pasaran saham di Amerika Syarikat.
- 35** Pemimpin-pemimpin Jepun merancang serangan ke atas tanah jajahan kuasa imperialis barat di Asia Tenggara untuk menguasai bahan mentah. mengapakah pemimpin Jepun bertindak demikian?
- A** Percubaan Amerika dan Britian menghadkan bekalan bahan mentah ke Jepun.
 - B** Sebagai tindakan membalas dendam terhadap Britian yang bertindak kasar terhadap Jerman.
 - C** Untuk menghapuskan sumber ekonomi Amerika dan Britian.
 - D** Bagi memantapkan kuasa Jepun di Asia Tenggara.
- 36** Perang Dunia Kedua tamat apabila Itali, Jerman dan Jepun dikalahkan oleh kuasa-kuasa besar Amerika, Britain dan Perancis. Apakah bahan Perang Dunia Kedua yang dirasai oleh negara-negara di Asia?
- A** Kemusnahan hebat akibat perang.
 - B** Banyak negara berpeluang untuk merdeka.
 - C** parti Komunis menguasai Asia.
 - D** Wabak penyakit merebak dengan hebatnya.
- 37** Kemunculan Blok Timur dan Blok Barat semasa Perang Dingin menandakan kemuncak persaingan ideologi Komunis dengan ideologi anti Komunis. Antara berikut manakah kesan-kesan kemunculan kedua-dua blok tersebut?
- I** Kedua-dua blok melahirkan pakatan tentera.
 - II** Kedua-dua blok beroperasi secara terbuka.
 - III** Kedua-dua blok sering mencipta senjata.
 - IV** Kedua-dua blok terlibat dalam peperangan di Korea.
- A** I, II dan III
 - B** I, II dan IV
 - C** I, III dan IV
 - D** II, III dan IV


38

Sesuatu penolakan kepada sistem pemerintahan penjajah, keinginan besar untuk memerintah dan menentukan matlamat negara.

Pernyataan di atas adalah berkaitan dengan konsep ...

- A Nasionalisme.
- B Kebijaksanaan.
- C Imperialisme.
- D perang Dingin.

39



Antara berikut yang manakah berkaitan dengan rajah di atas?

- A Penduduk asal diperintah oleh bangsa Eropah.
 - B Penduduk kulit hitam diasingkan daripada penduduk Eropah.
 - C Kaum pendatang yang terdiri daripada bangsa Eropah melebihi bilangan penduduk asal.
 - D Bilangan penduduk asal masih merupakan golongan majoriti.
- 40 Mengapakah Kumpulan 15 yang terdiri daripada negara-negara Sedang Membangun berusaha supaya tidak bergantung kepada negara maju?
- I Negara maju pentingkan keuntungan sendiri.
 - II Negara maju mengenakan tekanan politik.
 - III Negara maju hanya berminat dalam ekonomi.
 - IV Negara maju mengenakan cukai yang tidak seimbang.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN

1	B	2	C	3	D	4	C	5	B
6	C	7	C	8	A	9	C	10	D
11	A	12	D	13	A	14	D	15	A
16	B	17	B	18	B	19	C	20	B
21	D	22	D	23	D	24	C	25	A
26	A	27	D	28	C	29	B	30	C
31	B	32	B	33	C	34	D	35	A
36	B	37	C	38	B	39	C	40	D